# PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
## TARIKH: 18 APRIL 2025 (JUMAAT)

## MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL) | • RM2 JUTA BAIKI PRASARANA AWAM<br>• LEBAR SALIRAN KURANG RISIKO BAH<br>• GEMBLENG USAHA PULIH KEROSAKAN<br>• VISUALDATO' MENTERI BESAR DATO' SERI AMIRUDIN SHARI BERSAMA PIMPINAN KERAJAAN SELANGOR MELEPASKAN PERGERAKAN ROMBONGAN OPS MEGA PEMBERSIHAN PASCA BENCANA KEBAKARAN DI ARENA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SUBANG JAYA PADA 12 APRIL.<br>• MPKJ FC, MBSJ JUARAI PIALA SUMBANGSIH |

## MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • FLOOD MONITORING – SUBANG JAYA CITY COUNCIL (MBSJ) HAS A WATER LEVEL MONITORING SYSTEM TO INCREASE THE COMMUNITY'S PREPAREDNESS OF FLOODS |

## LAIN-LAIN PBT

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | MPKL | • RECYCLING CLOTHES |
| 2. | SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL) | MBSA | • MBSA BERSIHKAN SISTEM SALIRAN |

## UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • AN EYE-OPENING EXPERIENCE FOR VOLUNTEERS IN PUTRA HEIGHTS<br>• RM15.1MIL LOST TO SCAMMERS<br>• NO WEATHER WOES FOR METMALAYSIA<br>• SELCAT TO REVIEW INVESTORS' COMPLAINTS ABOUT POOR BASIC INFRASTRUCTURE IN SELANGOR<br>• CREATIVITY BLOSSOMS IN FOREST PARK |
| 2. | SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL) | • PERCEPAT PROJEK MITIGASI ATASI BANJIR |
| 3. | SINAR HARIAN | • CADANG KERJA DARI RUMAH, PDPR<br>• KERAJAAN PERKUKUH EKOSISTEM PENDIDIKAN DIGITAL, AI<br>• KEPUTUSAN SPM 24 APRIL INI<br>• PESARA RUGI RM15.1 JUTA DITIPU KENALAN<br>• PENGUAT KUASA MBI DITUMBUK |
| 4. | KOSMO | • KEPUTUSAN SPM'24 DIUMUM 24 APRIL<br>• HARGA EMAS CECAH RM550 SEGRAM |
| 5. | HARIAN METRO | • BINA SEGERA PINTU KUNCI AIR ATASI BAH<br>• TUMBUK ANGGOTA PENGUAT KUASA |
| 6. | BERITA HARIAN | • PENGUAT KUASA MBI DITUMBUK PEKERJA TAK PUAS HATI RESTORAN DISITA<br>• LAWATAN JINPING LAMBANG PERSAHABATAN SEJATI<br>• JABATAN KERAJAAN DISARAN SEMAK SEMULA UNDANG-UNDANG LAPUK<br>• MAJLIS MEDIA BOLEH AMBIL LANGKAH WAJAR<br>• HARGA EMAS BAKAL CECAH RM500 SEGRAM |

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 7. | UTUSAN MALAYSIA | • PEGAWAI PERIKANAN DISYAKI KEMUKA TUNTUTAN PALSU<br>• PESARA RUGI RM15.1 JUTA DITIPU PELABURAN SAHAM<br>• MALAYSIA TERIMA DORONGAN DALAM SEKTOR PERDAGANGAN, PELABURAN<br>• HARGA EMAS DIUNJUR CECAH RM500 SEGRAM AKHIR TAHUN INI |
| 8. | MALAYSIA TRIBUNE ONLINE | • PUTRA HEIGHTS FIRE: HAIER CONTRIBUTES RM40,000 TO LIGHTEN MEDICAL COST OF VICTIMS |
| 9. | NEW STRAITS TIMES | • A BUMPY ROAD TO SAFETY REFORMS<br>• TASK FORCE SET UP TO MONITOR PROJECTS<br>• WHEN A GOOD WORKER HAS TO LEAVE |
| 10. | THE SUN | • GOVT DEPARTMENTS URGED TO REVIEW OUTDATED LAWS<br>• KL,BEIJING SET FOR HIGH- IMPACT REGIONAL COLLABORATION<br>• M'SIA, CHINA WANT ASIA-PACIFIC STABILITY<br>• MALAYSIA TARGETS RM200B IN PROPERTY TRANSACTIONS THIS YEAR |

selangorkini
PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 17 - 23 APRIL 2025 www.selangorkini.my

# RM2 juta baiki prasarana awam

**SHAH ALAM** - Peruntukan RM2 juta disediakan kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi membaiki prasarana awam di kawasan kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya.

Menurut Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), mereka memberi fokus utama kepada inisiatif pemulihan dan pembinaan semula rumah terjejas dalam kejadian itu, lapor Bernama.

Dalam kenyataan pada 9 April, kementerian itu menubuhkan pasukan petugas khas terdiri semua agensi bawah kementerian termasuk Syarikat Perumahan Nasional Berhad dan PR1MA.

"Pasukan tersebut turut menyiapkan pelan tindakan untuk membaik pulih dan membina semula rumah mangsa terjejas," kata kementerian berkenaan.

Mengikut KPKT, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan memberi bantuan penuh kepada Kerajaan Selangor dalam kerja pembersihan.

Kebakaran pada 1 April menyebabkan api menjulang lebih 30 meter pada suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL)
TARIKH: 18 APRIL 2025

selangorkini
PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 17 - 23 APRIL 2025 www.selangorkini.my

# Lebar saliran kurang risiko bah

**SHAH ALAM** - Projek pelebaran parit di Kampung Kuala Sungai Baru, Subang Jaya yang dianggarkan bernilai RM15 juta, diharap dapat mengurangkan risiko banjir di kawasan itu.

Wakil rakyat Seri Serdang Abbas Azmi berkata projek Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu mampu meningkatkan kapasiti saliran dan dijangka bermula tahun ini.

"Selain itu, banjir ini banyak faktor penyebab juga, bukan hanya infrastruktur tetapi perubahan iklim, pasang surut air laut dan sebagainya.

"Yang kita boleh buat saya rasa adalah dengan mengurangkan risiko menerusi pelbagai usaha termasuklah menjaga alam sekitar dengan mengelak buang sampah ke dalam longkang atau saliran sehingga tersumbat yang menjadi antara punca banjir kilat," katanya pada 14 April.

SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL)
TARIKH: 18 APRIL 2025

selangorkini
PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 17 - 23 APRIL 2025 www.selangorkini.my

# Gembleng usaha pulih kerosakan




Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN**

Usaha memulihkan semula penempatan penduduk Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru di Subang Jaya yang terjejas teruk akibat letupan saluran gas pada 1 April digembleng pelbagai pihak.

Fasa pemulihan itu diketuai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Johary Anuar bagi memastikan kaedah baik pulih rumah, jalan, infrastruktur dan kemudahan awam berkesan serta lancar.

Kerja pembersihan itu susulan penutupan kedua-dua pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights pada 13 April. PPS itu sebelum ini dihuni 210 mangsa yang berpindah ke rumah sewa atau penempatan sementara.

Sebuah lagi PPS iaitu Dewan Camelia yang menempatkan 60 mangsa terdiri 16 keluarga ditutup lebih awal iaitu pada 9 April.

Meski pembersihan awal bermula sejak 3 April, kerja tersebut digiatkan lagi melalui program gotong-rotong besar-besaran dalam Ops Mega Pembersihan selama dua hari berturut-turut.

Kira-kira 4,600 sukarelawan berganding bahu membersihkan kedua-dua kawasan itu mulai 12 April, dibantu kelengkapan jentera dan aset pembersihan yang disediakan agensi kerajaan seperti berikut.

- Sebanyak 264 kenderaan digunakan sepanjang operasi itu antaranya lori water jetter, lori tangki air, jentera pengorek kaut, penyapu jalan, mesin pencincang kayu dan kren pengangkat
- Anggota dari 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor, pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) terlibat dalam usaha pemulihan yang meliputi 90 peratus sisa kebakaran
- Anggota polis, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, KDEB Waste Management (KDEBWM), Team Selangor dan Selangor Volunteer (SERVE) seliaan Majlis Sukan Negeri turut sama mencurah keringat

Sambil melahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha pemulihan, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, EXCO negeri dan pegawai atasan kerajaan turut turun padang bersama-sama sukarelawan.

"Hampir 80 hingga 90 peratus pembersihan di Putra Heights diselesaikan KDEBWM.

"Saya berharap operasi ini selesaikan pembersihan di kawasan awam dan bantu meringankan beban pemilik rumah yang mula memasuki rumah mulai pertengahan atau awal minggu ini," kata Amirudin pada 12 April.

Lokasi pembersihan tersebut melibatkan tiga sektor iaitu A dan B meliputi kawasan Taman Putra Harmoni manakala C merangkumi 12 zon kendalian 12 PBT.

Kampung Kuala Sungai Baru lebih sukar dibersihkan berikutan kedudukan rumah tidak tersusun, berbeza taman perumahan seperti Putra Heights dan Putra Harmoni. Justeru, lebih banyak usaha dan masa dijalankan di situ.

Tong pukal juga ditempatkan KDEBWM di setiap lorong bagi memudahkan sukaralewan atau pemilik membuang sampah termasuk perabot, televisyen dan perkakasan lain yang musnah atau rosak.

Tumpuan utama diberi kepada kerja membersihkan longkang, jalan, lorong belakang, parkir, tembok rumah, pemotongan pokok terbakar serta bantuan mengangkat barangan rumah yang rosak.

Setakat 13 April, lebih 500 tan sisa sampah pukal diangkut dari kedua-dua kawasan itu. Lebih 120 tan sampah pukal termasuk perabot rosak dikeluarkan pada hari pertama operasi tersebut. ▶

SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL)
TARIKH: 18 APRIL 2025

selangorkini
PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 17 - 23 APRIL 2025 www.selangorkini.my




Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama pimpinan Kerajaan Selangor melepaskan pergerakan rombongan Ops Mega Pembersihan Pasca Bencana Kebakaran di Arena Majlis Bandaraya Subang Jaya, Subang Jaya pada 12 April. Lebih 4,000 sukarelawan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO terlibat

SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL)

TARIKH: 18 APRIL 2025

selangorkini
PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 17 - 23 APRIL 2025 www.selangorkini.my

# MPKJ FC, MBSJ juarai Piala Sumbangsih

**SHAH ALAM** - Jaringan tunggal M Terrence pada minit ke-32 membantu MPKJ FC menjulang Piala Sumbangsih 2025 selepas menewaskan MBSA FC 1-0 pada 13 April.

Dalam aksi di Stadium MPAJ, Ampang Jaya, MBSA FC gagal menyudahkan beberapa peluang terbaik untuk menghasilkan jaringan walaupun menguasai 52 peratus permainan.

Turut cemerlang MBSJ FC yang menjulang trofi sama bagi kategori wanita selepas membelasah MBPJ FC 8-0 menerusi empat jaringan penyerang Intan Sarah pada minit kedua, 21, 56 dan 61.

Nur Afrina juga mempamer penyudah tajam di hadapan gol dengan dua jaringan pada minit ke-39 dan 64 diikuti satu gol yang dihasilkan Dian Aqilah serta Lee Xin-Yi.

SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL)
TARIKH: 18 APRIL 2025

selangorkini
PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 17 - 23 APRIL 2025 www.selangorkini.my

# MBSA bersihkan sistem saliran

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mempergiat usaha pembersihan sistem perparitan supaya tidak tersumbat bagi mengelak kejadian banjir kilat berulang.

Datuk Bandarnya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim memberitahu beberapa kawasan yang dilanda banjir kilat pada 11 April berikutan hujan lebat selain faktor fenomena air pasang.

"Bagi memastikan laluan air lancar setiap sistem perparitan termasuk longkang dan parit erong bersih daripada sampah serta daun.

"Kita berharap inisiatif dan usaha dilaksana ini dapat elak kejadian banjir kilat sekali gus memastikan tiada longkang-longkang tersumbat," katanya pada 12 April.

SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL)
TARIKH: 18 APRIL 2025

selangorkini
PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 17 - 23 APRIL 2025 www.selangorkini.my

# Percepat projek mitigasi atasi banjir





**SUBANG JAYA** - Projek mitigasi perlu dipercepat bagi mengelak bencana banjir berulang di kawasan tumpuan, kata wakil rakyat Kota Kemuning.

Menurut S Preakas, gesaan itu menuntut perhatian dan kerjasama semua pihak kerana bencana berkenaan menjejaskan ribuan mangsa di kawasan berkenaan.

"Saya akur tindakan diambil Kerajaan Negeri, tapi saya percaya ia mungkin tidak mencukupi. Kita harap projek mitigasi banjir dapat dipercepat dan dipertingkatkan.

"Saya tidak mahu penduduk di kawasan saya hadapi perkara ini berulang-ulang. Kita perlu perhatian dan kerjasama semua pihak. Penduduk pun kena kerjasama, jangan buang sampah (sewenangnya)," kata pada 13 April.

Wakil rakyat Batu Tiga Danial Al-Rashid Haron berkata sebanyak RM15,000 diperuntuk bagi menyalur bantuan susulan banjir pada 11 April selain memperkemas gerak kerja bagi memastikan pemindahan mangsa ke pusat pemindahan sementara (PPS) diurus dengan baik.

"Jika sebelum ini, Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Jawa dan Sekolah Rendah Agama Padang Jawa yang juga berisiko terjejas banjir digunakan sebagai PPS, sekarang kita gunakan SK Seksyen 16 yang tidak terjejas banjir untuk elak pemindahan berulang kali.

"Gerak kerja pemindahan kali ini saya nampak agak lancar dan kita sudah bersedia awal untuk menghadapi sebarang kemungkinan memandangkan Padang Jawa ini antara kawasan rendah yang sering berisiko dilanda banjir," katanya.

Pada 11 April, EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi berkata insiden itu susulan hujan lebat yang bertembung dengan fenomena air pasang besar selain menasihatkan penduduk terjejas berpindah ke PPS sekiranya diarahkan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

SELANGORKINI (AKHBAR DIGITAL)
TARIKH: 18 APRIL 2025

MALAYSIAN TRIBUNE



# Putra Heights Fire: Haier Contributes RM40,000 To Lighten Medical Cost Of Victims

- April 16, 2025
- » General

Putra Heights: Leading home appliance and electronics company Haier Electrical Appliances Sdn Bhd (Haier) has donated RM40,000 to help pay for the hospital medical costs of victims of the gas pipeline explosion and fire in Putra Heights, Subang Jaya.

According to BERNAMA News Agency, Selangor Investment, Trade and Mobility exco Ng Sze Han stated that the donation would be directed towards victims who are in dire need of assistance, with a priority given to those who are still undergoing treatment in hospitals. Ng emphasized that medical expenses have become a significant burden for many of the victims. Representing the state government, Ng discussed with Haier about the contribution, which will be allocated specifically for medical costs. The distribution of these funds will be managed by Subang Jaya City Council (MBSJ) Zone 16 councillor Lee Jen Uyin, who is planning a visitation program to identify eligible recipients.

Ng received the donation on behalf of the state government from Haier Malaysia managing director Fan Jing at a ceremony held at the Kampung Kuala Sungai Baru Community Hall in Subang Jaya. Fan Jing expressed his company's full trust in the state government and MBSJ to manage the distribution of the donation effectively to those in need. He acknowledged that the state government and MBSJ possess comprehensive data on each victim, which will facilitate the appropriate distribution of the assistance based on necessity.

The gas pipeline fire incident occurred on April 1, causing significant damage with flames reaching heights of 30 meters and temperatures soaring to 1,000 degrees Celsius. The fire impacted 219 houses in the surrounding area, leaving many in urgent need of support.

MALAYSIAN TRIBUNE ONLINE
TARIKH: 18 APRIL 2025

**FLOOD MONITORING** ✓

Subang Jaya City Council (MBSJ) has a water level monitoring system to increase the community's preparedness of floods. The public can monitor real-time water levels across 13 locations under MBSJ at mbsj.iot.es-sb.com/map, with the system issuing three types of water level warnings – yellow (caution), orange (warning) and red (dangerous). To report emergencies and disasters, call 03-8024 7700 (MBSJ Pantas operation centre).

THE STAR
Tarikh: 18 APR 2025

**RECYCLING CLOTHES** ✓

Kuala Langat Municipal Council (MPKL) has placed bins to collect preloved clothes at 15 locations in Telok Panglima Garang, Olak Lempit, Bukit Changgang, Banting, Sungai Lang, Bandar Rimbayu, Tropicana Aman, Eco Santuari and Bandar Saujana Putra. For details, call 010-215 6222 (Pertubuhan Amal Kitar Semula Malaysia).

THE STAR
Tarikh: 18 APR 2025

# An eye-opening experience for volunteers in Putra Heights

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

Star 18/4

**KLANG:** The first thought that crossed Selangor Sports Council executive director Mohamad Nizam Marjugi's mind, when he went to help Putra Heights gas pipeline fire victims, was how they were ever going to rebuild their lives.

"I felt very sorry for those at Kampung Kuala Sungai Baru as they were mostly B40 and the lower end of M40 as well as senior citizens," said Mohamad Nizam, who had led the Selangor Volunteer (SERVE) team, which comes under the auspices of the council, to help clean-up the site last weekend.

He said the 785 volunteers who participated on Saturday and the 936 that came last Sunday were shocked at the sight that greeted them.

"It was like a war zone. It was a shocking experience for those who had only heard or read about the devastation prior to seeing it for themselves.

"Besides from SERVE, other volunteers that came to help under our umbrella were from Team Selangor, Mercy Malaysia, various non-governmental organisations, and institutions of higher learning," said Mohamad Nizam when contacted.

Universiti Teknologi Mara student volunteer, Raja Khairul Danial Raja Kamarul Zaman, 23, said he will never forget what he saw at the site.

"It will leave a lasting impression on me as I have never witnessed such big losses and suffering in my entire life," he said.

Universiti Kuala Lumpur student Nur Ain Awalluddin, 23, said the scenario was far worse than she had imagined.

"It was sad to know that all the victims will have to restart their lives after spending years building it," she added.

Mohamad Nizam said the affected areas at Kampung Kuala Sungai Baru and Taman Putra Harmoni were divided into 12 zones, with volunteers despatched to each zone.

Besides cleaning up about 30 houses inside out, volunteers also cleared the entire vicinity, including surrounding areas, as well as the compounds of houses they did not have access to, or were prohibited from entering.

"We only went into houses where the owners had given us the green light to enter, while some houses were too dangerous to go in due to extensive structural damage," said Mohamad Nizam, adding that the 30 houses they cleaned sustained only about 20% damage.

Mohamad Nizam said owners had not moved in yet as even the minimally damaged houses needed a lot of repair work done, especially with electrical wiring, which may have melted.

"We heard that contractors were already engaged and were starting to do work on the damaged houses this week," he added.

The local council was also busy clearing up dead trees and damaged vehicles.

"After they have cleared up the bulk, we helped by clearing the smaller debris," he said.

He urged all Malaysians to come in solidarity with the victims who suffered immense losses and added that a former school headmaster he knew was also one of the victims.

"He narrated to me how all his children had returned home to Taman Putra Harmoni to celebrate Hari Raya and ended up losing their vehicles and valuables in the mishap," said Mohamad Nizam.

The headmaster also told him that his mother-in-law, who had rushed out of the house after the explosion, suffered third-degree burns.

"His mother-in-law had worn polyester clothing, which just melted on her body due to the intense heat," he added.



**Devastation:** A resident walking past wrecked vehicles and buildings in Kampung Kuala Sungai Baru, Subang Jaya. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

THE STAR
18 APR 2025
Tarikh:

# RM15.1mil lost to scammers

## Elderly woman duped into buying shares of local company

By JUSTIN ZACK
newsdesk@thestar.com.my

Star 18/4

**KUALA LUMPUR:** A 77-year-old woman has lost RM15.1mil to a fraudulent shares scheme.

"The victim, who is a retired professional, was approached by the first suspect who convinced her to buy shares in a Malaysian company. The victim was told he would hold the shares in trust for her," said acting Bukit Aman Commercial Crime Investigation Department director Deputy Comm Datuk Rohaimi Md Isa.

The police received a report about the matter on Monday in Brickfields here.

"The victim was then introduced to another suspect said to be a sales agent. She was also shown several documents intended to convince her that the sale was legitimate," DCP Rohaimi said yesterday.

Several transactions were then made between 2020 and 2021 with deposits made to three people totalling RM15.1mil.

"In 2021, the victim asked that her shares be transferred to her. She also requested for proof of the share purchases.

"However, both suspects gave various excuses and reasons for the delay.

"She began to doubt the authenticity of the shares and eventually discovered that the information stated in the documents were false.

#JANGAN KENA SCAM
#JanganKenaScam

"The case is being investigated under Section 420 of the Penal Code for cheating," he said.

THE STAR
Tarikh: 18 APR 2025

# No weather woes for MetMalaysia

## Forecasting not affected by US meteorology staff cuts, says dept

By SHYAFIQ DZULKIFLI
newsdesk@thestar.com.my

Star 18/4

**PETALING JAYA:** Malaysia is not fully reliant on US meteorological data as it has various sources for weather information, said the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia).

In response to questions from *The Star* on whether recent major staff cuts at the US National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) would affect Malaysia's weather prediction capabilities, MetMalaysia clarified that it would not.

"There are various sources to obtain information on weather forecasting.

"Therefore, MetMalaysia does not rely fully on US systems," said its director-general Dr Mohd Hisham Mohd Anip.

MetMalaysia utilises information from various global models operated by meteorological centres such as the United States-based Global Forecast System and the National Centers for Environmental Prediction, he explained.

"We also rely on data from the UK Met Office, China Meteorological Administration, Japan Meteorological Agency, Korea Meteorological Administration and the European Centre for Medium-Range Weather Forecasts," he added.

MetMalaysia's clarification comes amid rising concerns in Asia that potential disruptions in US weather data could undermine regional weather forecasting and disaster preparedness.

The concern follows news reports last month of major disruptions at the NOAA due to US President Donald Trump's push to reduce the federal workforce, leading to more than 1,000 employees being dismissed or resigning.

According to the reports, data from US satellites and climate models from institutions such as the National Aeronautics and Space Administration and NOAA are widely used across Asia for research and operational forecasts.

Asked whether Malaysia would be able to sustain forecasting efforts without continuous input from US systems, Mohd Hisham said MetMalaysia is capable of operating with alternative international models.

"It has been running its own numerical weather prediction systems since 2005," he noted.

Hisham added that the outputs from these models are operationally used by the Irrigation and Drainage Department through the National Flood Forecasting and Warning Centre, as well as other disaster management agencies in and outside Malaysia.

THE STAR
Tarikh: 18 APR 2025

Star 18/4

# Selcat to review investors' complaints about poor basic infrastructure in Selangor



Lau says the responses were received via an infrastructure survey among Selangor investors.

THE majority of complaints to Selangor Special Select Committee on Capability, Accountability and Transparency (Selcat) pertained to basic infrastructure issues such as roads, drainage, communications, fibre optics, water supply and power supply.

Selcat chairman Lau Weng San said the responses were received in an infrastructure survey among Selangor investors.

He said Selcat had yet to decide whether to hold an open hearing on the infrastructure survey.

Lau stated that the committee needed to thoroughly review all complaints received, as some were irrelevant and did not warrant a hearing.

"Selcat will focus on matters under the jurisdiction of the state government, as some complaints and feedback received fall under federal jurisdiction," he said during a press conference to update the media on the

THE STAR
Tarikh: 18 APR 2025

# Creativity blossoms in forest park

## Taman Tugu hosts showcase of traditional arts, crafts in Kuala Lumpur

By LEE JUNE LING
metro@thestar.com.my

Star 18/4

AFTER a weekend trail hike, a father and daughter duo found themselves winding down at a traditional arts and crafts showcase in Kuala Lumpur.

Syed Zakaria and his daughter were clad in hiking gear, not the usual attire for attending an art lesson.

In the lush forest setting of Taman Tugu, they sat on a table covered with displays of *telepuk*, which are intricate gold motifs stamped on *songket* cloth.

Their instructor, Fatimah Rashidi, demonstrated how to spread a small patch of melted gum arabic, a natural adhesive used for *telepuk*, on their wrists.

She then pressed a small wooden stamp onto the gum arabic before firmly stamping it onto a piece of *songket* cloth spread flat on the table.

For the last step of the demonstration, she brushed a layer of gold leaf onto the still-sticky imprint.

"It is a special experience to try out this craft, especially in a place like this," said Syed Zakaria.

On the table next to the *telepuk* demonstration, women were seen selecting motifs for *kelingkan* (a type of embroidery with thin metallic ribbons) while artisan Nik Marhamah Nik Megat embroidered a hibiscus onto a fuschia-coloured fabric.

Nearby, a *shu bi* (Chinese calligraphy) booth had two tables, with one showcasing calligrapher Jordant Chang's works which were for sale.



Fatimah (seated right) showing visitors the intricate processes involved in the making of 'telepuk', during the event to celebrate World Art Day in Taman Tugu. — Courtesy photos

Chang was seated at the centre of the other table as visitors tried their hand at writing Chinese characters in elegant brush strokes.

Fiona Lee was spotted helping her son as he wielded an ink-saturated *mao bi* (calligraphy brush pen) across the paper.

"Doing something like this helps connect us to our culture," she said.

Dishen Kumar and his two children enjoyed watching a demonstration of how *labu sayong* (clay water pitcher) is crafted on a potter's wheel.

Hundreds of ready-made *labu sayong* were snapped up by visitors to paint in their desired colours and patterns.



A traditional dance being performed at the event.

"My kids are having lots of fun doing all these activities," he said.

In addition to a batik painting activity, there was also a Sabahan Magunatip bamboo dance workshop.

The event was organised by Taman Tugu Development in collaboration with Hasanah Foundation to celebrate World Art Day.

THE STAR
18 APR 2025
Tarikh:..............................

# Cadang kerja dari rumah, PdPR

**Saranan untuk dijalankan semasa Sidang Kemuncak ASEAN itu akan dibawa ke Kabinet**

SEPANG SH 18/4



FOTO: BERNAMA

**Xi Jinping bersalaman bersama Mohamad yang hadir untuk mengucapkan selamat jalan kepada delegasi China selepas menamatkan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia pada Khamis.**

Cadangan mengenai kerja dari rumah dan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa Sidang Kemuncak ASEAN pada Mei dan Oktober depan akan dibawa ke perhatian Kabinet, kata Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau berkata, cadangan ini timbul berikutan kesulitan dan kekangan yang dihadapi oleh rakyat, khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, yang terkesan akibat penutupan jalan semasa lawatan negara Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia.

"Saya ingin mencadangkan kepada Kabinet agar jabatan-jabatan yang berkenaan boleh bekerja dari rumah, dan sekolah pula boleh menjalankan PdPR untuk mengurangkan kesesakan serta kesulitan yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya di Lembah Klang dan Kuala Lumpur.

"Jadi, saya juga ingin memohon maaf kepada semua yang terkesan dengan penutupan jalan semasa lawatan Xi Jinping," katanya kepada pemberita di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini pada Khamis.

Beberapa laluan sekitar Lembah Klang dan Putrajaya telah ditutup sepenuhnya atau dilencongkan secara berperingkat dari 15 hingga 17 April bagi memberi laluan kepada pergerakan rasmi sempena lawatan negara Xi Jinping.

Walaupun penutupan ini bertujuan untuk melancarkan aspek logistik dan keselamatan serta telah dimaklumkan lebih awal, situasi tersebut mengundang keluhan daripada pengguna jalan raya yang terperangkap dalam kesesakan teruk. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 18 APR 2025

# Kerajaan perkukuh ekosistem pendidikan digital, AI

84
18/4

**KOTA KINABALU** - Kerajaan sedang mempergiat usaha untuk terus memperkuat ekosistem pendidikan digital dan teknologi kecerdasan buatan (AI) melalui pelbagai segmen yang dilaksanakan secara berperingkat.



FADHLINA

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, antara yang diberikan tumpuan dalam usaha itu ialah memperkukuh prasarana dan juga melalui dasar pendidikan negara.

"Kita juga akan mengukuhkan pelan penggunaan pendidikan baharu dan pelaksanaan pendidikan yang akan datang ... jadi, semua terkait rapat dengan pendidikan digital, teknologi, AI dalam usaha kita mereformasikan pendidikan dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Seminar Kepimpinan Madani: Cakna Pendidikan Digital di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, Fadhlina juga menekankan bahawa kepentingan pendidikan teknologi adalah keuntungan bersama dalam mengukuhkan serta meningkatkan jati diri anak-anak.

"Di samping berlakunya rempuhan-rempuhan teknologi kini, perkara asas iaitu nilai akhlak, sentiasa diperlukan. Sebab itu kita mengambil pendekatan untuk terus mengukuhkan pendidikan karakter dalam kurikulum baharu yang bakal dilaksanakan pada 2027," ujarnya.

Tambahnya, pendidikan karakter perlu seiring dengan pendidikan digital, teknologi dan AI kerana anak-anak masa kini sudah semestinya akan mendapat teladan yang baik. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 18 APR 2025

# Keputusan SPM 24 April ini

BH 18/4

**SHAH ALAM** - Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2024 akan diumumkan pada 24 April ini.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan pada Khamis.

KPM menyatakan bahawa calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan SPM daripada sekolah masing-masing mulai jam 10 pagi pada tarikh tersebut.

Menurut kenyataan itu, bagi calon persendirian, keputusan peperiksaan akan dihantar melalui pos atau calon boleh menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

"Seramai 402,956 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2024 di 3,337 pusat peperiksaan di seluruh negara," katanya.

Tambah kenyataan itu, calon sekolah dan persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah dalam talian.

"Mereka boleh melayari pautan *myresultspm.moe.gov.my* untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan SPM masing-masing.

"Kaedah kedua adalah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) untuk mendapatkan ringkasan keputusan dengan menaip SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran dan hantar ke **15888**.

"Kedua-dua sistem tersebut akan diaktifkan mulai jam 10 pagi pada 24 April sehingga jam 6 petang, 30 April 2025," ujarnya.

SINAR HARIAN
18 APR 2025
Tarikh: ...............................

# Pesara rugi RM15.1 juta ditipu kenalan

SH 18/4

**KUALA LUMPUR** - Seorang pesara syarikat swasta kerugian RM15.1 juta selepas dijerat kenalannya bagi pembelian saham tidak wujud.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rohaimi Md Isa berkata, laporan diterima Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields pada 14 April lalu.

Menurutnya, wanita berusia berusia 77 tahun itu memaklumkan telah dipelawa oleh seorang kenalannya iaitu suspek utama yang juga seorang ahli perniagaan untuk membeli saham sebuah syarikat di Malaysia.

"Mangsa diyakinkan untuk membeli saham tersebut melalui suspek pertama dan saham tersebut akan dipegang oleh suspek pertama secara amanah untuk pihak mangsa.

"Suspek pertama turut memperkenalkan mangsa kepada rakannya (suspek kedua) yang dikatakan akan bertindak sebagai ejen bagi pembelian tersebut," katanya ketika Majlis Aidilfitri JSJK di sini pada Khamis.

Beliau berkata, bermula pada 2020 hingga 2021, mangsa membuat beberapa bayaran secara cek tunai, deposit tunai, dan pindahan wang kepada tiga individu berbeza termasuk suspek pertama dengan jumlah keseluruhan RM15.1 juta.

Katanya, mangsa menyedari ditipu pada 2021 selepas kedua-dua suspek gagal memindahkan saham dibelinya apabila diminta.

Jelas beliau, mangsa juga mendapati dokumen-dokumen yang ditunjukkan kepada wanita itu telah direka oleh suspek kedua bagi memperdayakannya dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

SINAR HARIAN
Tarikh: 18 APR 2025

Pekerja restoran cetuskan provokasi ketika operasi penguatkuasaan

# Penguat kuasa MBI ditumbuk

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

SH 18/4

Polis sedang menjalankan siasatan berhubung insiden provokasi dan kekerasan terhadap seorang anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) ketika melaksanakan tugas di sebuah restoran di Menglembu di sini pada Rabu.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata, laporan kejadian itu diterima daripada seorang lelaki berusia 40 tahun yang merupakan anggota penguat kuasa pada jam 6.43 petang.

Menurutnya, semasa pengadu dan pasukan penguat kuasa menjalankan tugas sitaan kerusi dan meja, seorang pekerja restoran melakukan provokasi.

"Berdasarkan siasatan, tindakan sitaan itu dilakukan berdasarkan aduan diterima daripada Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran MBI.

"Bagaimanapun semasa melakukan tugas, seorang pekerja restoran itu telah mengeluarkan kata-kata kesat serta cuba menghalang anggota penguat kuasa daripada menjalankan tugas rasmi.

"Pengadu turut memaklumkan, seorang anggota penguat kuasa telah ditumbuk oleh individu terbabit," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan MBI, Ahmad Zaiyadi Sudin menjelaskan, perkara itu telah diselesaikan secara baik dan laporan polis telah ditarik balik.

Katanya, perbincangan secara harmoni diadakan bersama pemilik restoran agar krisis tidak berpanjangan dan tidak disalah tafsir sebagai isu perkauman.



Video memaparkan tindakan penguatkuasaan oleh MBI di sebuah restoran di Menglembu, tular di media sosial.

Mahkamah & Jenayah

SINAR HARIAN
Tarikh: 18 APR 2025

# Keputusan SPM'24 diumum 24 April

- **Libat 402,956 calon mendaftar**
- **Periksa keputusan pukul 10 pagi**

Kosmo 18/4

Oleh ALANI NIZAM

**PETALING JAYA** – Seramai 402,956 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 boleh memeriksa keputusan masing-masing pada 24 April ini.

Kementerian Pendidikan (KPM) dalam kenyataan berkata, kesemua calon boleh mendapatkan keputusan SPM 2024 daripada sekolah masing-masing mulai pukul 10 pagi pada tarikh tersebut.

"Bagi calon persendirian, keputusan peperiksaan akan dihantar melalui pos atau calon boleh menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) tempat mereka mendaftar bagi menduduki peperiksaan," katanya.

Untuk rekod, seramai 402,956 calon yang mendaftar bagi menduduki peperiksaan SPM 2024 di 3,337 buah pusat peperiksaan di seluruh negara.

Katanya, semakan keputusan peperiksaan SPM 2024 juga boleh dibuat secara dalam talian di pautan *www.myresultspm.moe.gov.my* atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menaip SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran dan hantar ke 15888.

"Perkhidmatan tersebut akan diaktifkan bermula pukul 10 pagi 24 April dan ditamatkan pukul 6 petang, 30 April," katanya.

Dalam pada itu, KPM turut mengucapkan tahniah kepada semua calon atas keputusan peperiksaan SPM 2024.

"Semoga kejayaan yang diraih menjadi pemangkin untuk terus melakar kecemerlangan pada masa hadapan," ujarnya.



**SERAMAI 402,956 calon SPM 2024 boleh mendapatkan keputusan masing-masing pada Khamis depan.**

KOSMO
Tarikh: 18 APR 2025

# Harga emas cecah RM550 segram

KOSMO ① 18/4

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**PETALING JAYA** – Harga emas melonjak ke paras tertinggi dalam sejarah mencecah RM550 segram bagi bar emas dan RM500 bagi barang kemas semalam.

Presiden Persatuan Perniagaan Emas Dan Permata Malaysia (FGJAM), Datuk Chiah Hock Yew berkata, lonjakan tertinggi itu dikaitkan dengan ketidaktentuan tarif import Amerika Syarikat (AS) yang mencetuskan kebimbangkan pelabur di seluruh dunia.

Ujar beliau, ia menyebabkan para pelabur beralih daripada pasaran saham kepada emas, sekali gus menyaksikan permintaan tinggi terhadap logam berharga itu.

Hock Yew meramalkan harga emas akan terus mengalami peningkatan dan boleh mencecah lebih RM600 segram berdasarkan keadaan ekonomi semasa.

»BERITA LANJUT DI MUKA 3

KOSMO
Tarikh: 18 APR 2025

# Harga emas cecah RM550 segram



HARGA emas melonjak ke paras tertinggi dalam sejarah susulan tarif baharu AS yang mencetuskan kebimbangan pelabur di seluruh dunia.

Kosmo 18/4 (8)

DARI MUKA 1

"Ya benar harga emas ini yang tertinggi dalam sejarah mencecah RM550 segram bagi bar emas. Bagaimanapun, ada kedai mungkin jual pada harga RM540, RM520, RM520 segram. Harga barang kemas sekitar RM500 segram.

"Harga emas sebenarnya telah pun naik mendadak sejak tiga tahun lalu dan telah mencecah ke tahap tertinggi dalam sejarah ketika ini disebabkan faktor tarif AS," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kelmarin, harga emas dilaporkan telah pun melonjak melebihi RM467.84 segram buat kali pertama dalam sejarah apabila pelabur beralih kepada aset selamat berikutan tarif baharu AS.

Ketua Strategi Komoditi Saxo Bank, Ole Hansen dipetik berkata, tindakan terbaharu AS terhadap mineral, cip dan ubat-ubatan mencetuskan gelombang pelaburan ke arah aset selamat, manakala pasaran saham terus menerima tekanan.

Menurut Hansen, unjuran harga emas yang dikemas kini oleh beberapa institusi utama turut meningkatkan keyakinan pelabur untuk terus membeli logam berharga itu.

Media antarabangsa Xinhua pula melaporkan, harga emas di China melonjak ke paras tertinggi dalam sejarah susulan kenaikan berterusan harga emas antarabangsa.

Beberapa jenama emas utama di China mencatatkan harga barang kemas melebihi 1,000 yuan (kira-kira AS$138.63) segram yang merupakan paras tertinggi pernah direkodkan.

Hock Yew berkata, kenaikan harga emas membuktikan emas merupakan pelaburan yang paling selamat dalam berhadapan ketidaktentuan ekonomi global.

Beliau menjangkakan, bagi kebanyakan pelabur emas jangka masa pendek akan menjual emas mereka untuk mendapatkan keuntungan disebabkan kenaikan harga yang tinggi ketika ini.

"Mungkin dulu mereka beli sekitar RM250 atau RM350 segram, sekarang boleh jual semula RM500 atau RM550 segram. Bagi pelabur jangka masa panjang saya rasa mereka akan tunggu lagi.

"Nasihat saya kepada pelabur emas jangan jual habis semua, simpan juga untuk pelaburan jangka masa panjang," katanya.

KOSMO
18 APR 2025
Tarikh: ........................

# Bina segera pintu kunci air atasi bah

HM 18/4

**Shah Alam:** Bencana banjir di negeri ini dapat diatasi sekiranya pintu kunci air dibina di beberapa lokasi 'panas' yang sering dinaiki air.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim berkata, antara lokasi yang dikenal pasti memerlukan pintu kunci air adalah Kampung Baru Hicom, Shah Alam; Padang Jawa, Klang serta Kampung Tengah dan Kampung Seri Aman di Puchong.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah diminta untuk meneliti beberapa lagi kawasan lain, sekali gus mengelakkan banjir berulang lagi.

"Kami dapati ada pihak berkuasa tempatan (PBT) tiada pintu kunci air. Hanya JPS yang ada (pintu kunci air).

"Justeru, langkah segera kami bina pintu kunci air. Kami akan mohon peruntukan negeri supaya kerja ini dapat dijalankan secepat mungkin," katanya semalam.

Izham berkata, ketika ini lebih 90 projek tebatan banjir membabitkan peruntukan hampir RM4 bilion sedang dijalankan dan memerlukan masa beberapa tahun bagi memastikan ia berfungsi dengan baik.

Beliau berkata, tempoh diperlukan seawal proses pembinaan seperti reka bentuk selain beberapa aspek lain, namun memberi jaminan masalah tidak lagi berlaku sekiranya projek siap.

"Seperti di Taman Mutiara, Klang...kami terima aduan dan kolam takungan (di kawasan itu) hampir siap dan sudah berfungsi.

"Kami memerlukan masa. Ada (projek) yang siap dua ke tiga tahun lagi dan ada juga yang baru bermula.

"Bagaimanapun, kami akan sentiasa memantau kerja dilakukan pihak kontraktor dan mengambil tindakan sesuai termasuk menamatkan kontrak," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 18 APR 2025

# Tumbuk anggota penguat kuasa

***Beberapa individu buat kekecohan, halang operasi MBI ke atas sebuah restoran di Menglembu***

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

HM 18/4/2025

**Ipoh**

Kekecohan operasi penguatkuasaan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) ke atas sebuah restoran di Menglembu, di sini, kelmarin dipercayai akibat dihalang beberapa individu termasuk menumbuk anggota penguat kuasa.



BEBERAPA individu menghalang operasi penguatkuasaan MBI di Menglembu, Ipoh.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang anggota penguat kuasa MBI berhubung kejadian pada hari sama.

Menurutnya, siasatan awal mendapati berlaku provokasi yang dicetuskan seorang pekerja restoran ketika operasi menyita kerusi dan meja di premis itu berdasarkan aduan daripada Jabatan Kesihatan MBI.

"Suspek bertindak mengeluarkan kata-kata kesat dan cuba menghalang anggota penguat kuasa daripada menjalankan tugas rasmi.

"Pengadu turut memaklumkan seorang anggota penguat kuasa MBI ditumbuk oleh individu terbabit (suspek).

"Justeru, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 353 dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan serta Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil," katanya dalam kenyataan, malam kelmarin.

Menurutnya, polis sedang merakam keterangan saksi yang terbabit bagi membantu siasatan.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi Inspektor Sheikh Fateeha Iman di talian 010-2908095 bagi membantu siasatan.

Terdahulu, media sosial dibanjiri beberapa rakaman video yang tular mengenai kekecohan dalam operasi penguatkuasaan MBI berkenaan.

Sementara itu, Ketua WHIP Ahli Majlis MBI, Wong Kar Keat menerusi hantaran di Facebook berkata, beliau dimaklumkan satu perjumpaan akan dibuat dengan pemilik restoran bagi menjelaskan insiden terbabit.

HARIAN METRO
Tarikh: 18 APR 2025

# Penguat kuasa MBI ditumbuk pekerja tak puas hati restoran disita

BH 18/4

**Ipoh:** Operasi penguatkuasaan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) terhadap restoran di Menglembu, di sini, bertukar kecoh selepas anggotanya didakwa ditumbuk individu yang cuba menghalang tindakan sitaan.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Abang Zainal Abidin Abang Ahmad, berkata pihaknya menerima laporan pada jam 6.43 petang kelmarin daripada seorang anggota penguat kuasa MBI berusia 40 tahun yang mendakwa menjadi mangsa kejadian.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati provokasi bermula apabila pekerja restoran terbabit tidak berpuas hati dengan tindakan menyita kerusi dan meja premis berkenaan, susulan aduan daripada Jabatan Kesihatan MBI.

"Suspek mengeluarkan kata-kata kesat serta cuba menghalang anggota penguat kuasa daripada menjalankan tugas rasmi.

"Pengadu turut memaklumkan seorang anggota penguat kuasa MBI ditumbuk suspek," katanya menerusi kenyataan malam kelmarin.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 353 dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan serta Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil.

Keterangan beberapa saksi diambil bagi membantu siasatan dan polis minta orang ramai yang mempunyai maklumat tampil membantu siasatan.

Maklumat boleh disalurkan kepada Inspektor Sheikh Fateeha Iman di talian 010-2908095 atau di mana-mana balai polis berhampiran.

Terdahulu, beberapa video kekecohan yang memaparkan insiden itu tular di media sosial, dipercayai berlaku di restoran di Taman Rasi Jaya, Menglembu, pagi kelmarin.

Sementara itu, Ketua WHIP Ahli Majlis MBI, Wong Kar Keat, dalam kenyataannya memaklumkan satu perjumpaan akan diadakan membabitkan Ahli Majlis MBI, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan, Jabatan Penguat Kuasa MBI serta pemilik restoran terbabit bagi memberi penjelasan berhubung kejadian.

Beliau menasihatkan supaya isu berkenaan tidak dikaitkan dengan sentimen perkauman.

BERITA HARIAN
Tarikh 18 APR 2025

# Lawatan Jinping lambang persahabatan sejati

BH 15/4

**Kuala Lumpur:** Lawatan negara Presiden China, Xi Jinping adalah simbolik dan lambang ikatan persahabatan sejati Malaysia dan China yang terjalin sejak sekian lama dan keakraban ini terus utuh serta diperkukuh atas sikap kepercayaan, hormat serta kejujuran, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dalam dunia kian mencabar, China tampil sebagai rakan yang rasional, stabil serta berprinsip dan Malaysia menghargai kestabilan itu dan akan terus menjadi sahabat berpaksikan sejarah dan berwawasan masa depan.

"Pepatah Melayu menyebut, 'air dicincang tidak akan putus'. Begitu juga ikatan antara Malaysia dan China yang diuji waktu, namun tetap bersemi dan tidak terlerai.

"Moga persahabatan Malaysia-China terus mekar sedalam lautan, seteguh bintang di langit dan segemilang harapan yang menyingsing kemakmuran masa depan," katanya dalam catatan di Facebook, semalam.

Anwar berkata, di saat dunia menyaksikan perubahan landskap geopolitik dan beberapa pihak meninggalkan prinsip tanggungjawab kolektif, inisiatif global yang diketengahkan oleh China membuka ruang baharu untuk pembaharuan dan kerjasama.

Perdana Menteri turut mengulangi rasa hormat dan penghargaan atas kepimpinan Jinping yang lantang membicarakan soal prinsip perkongsian kemakmuran dan mengangkat nilai ketamadunan serta kemanusiaan sejagat.

"Prinsip dan pendirian Presiden Jinping nyata berbeza dengan sikap segelintir negara yang mula meninggalkan prinsip perkongsian tanggungjawab, menghalakan keutamaan untuk mengasah perseteruan dan mempersenjatakan ekonomi," katanya.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh 18 APR 2025

# Jabatan kerajaan disaran semak semula undang-undang lapuk

## Peraturan wajar dipinda ikut keperluan semasa, elak persepsi negatif rakyat

BH 18/4

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Semua jabatan kerajaan disaran mengkaji semula undang-undang dan peraturan lama yang tidak lagi relevan agar dapat dipinda selaras keperluan semasa.

Saranan dikemukakan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki yang menegaskan, reformasi undang-undang perlu diberi perhatian serius bagi mengelakkan persepsi negatif rakyat terhadap agensi kerajaan.

Katanya, prosedur operasi standard (SOP) yang lama dan tidak jelas juga perlu ditambah baik bagi memenuhi kehendak semasa masyarakat serta semua pihak berkepentingan.

"Setiap jabatan kerajaan, termasuk SPRM perlu mempunyai sistem yang jelas, terutama dalam hal membabitkan orang awam," katanya.

Beliau menyarankan demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman pada Program Dialog Antirasuah dan Tadbir Urus Baik Jabatan Wilayah Persekutuan, di sini semalam.

Perasmian program disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Azam turut menekankan keperluan pemantauan berterusan ke atas warga kerja, termasuk gaya hidup mewah dalam kalangan kakitangan penguat kuasa bagi membanteras gejala rasuah.

### SPRM punyai SOP jelas

Di SPRM, beliau menjelaskan, urusan penangkapan, lokap, tahanan dan sebagainya mempunyai SOP yang jelas.

"Apabila berlaku sesuatu insiden, kerajaan sering dipersalahkan sedangkan ada kalanya agensi kerajaan sendiri gagal menyediakan sistem pemantauan dan pengurusan yang baik hingga mencemarkan imej kerajaan," katanya.

Beliau turut menjelaskan, integriti merangkumi kejujuran serta kepatuhan tanpa kompromi terhadap prinsip moral dan etika yang kukuh.

"Membangunkan organisasi yang berintegriti dan mempunyai tadbir urus yang baik bukan hanya tanggungjawab pemimpin utama, sebaliknya memerlukan kerjasama semua pihak dalam organisasi," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 18 APR 2025

# Majlis Media boleh ambil langkah wajar

BH 18/4

**Kuala Lumpur:** Majlis Media Malaysia boleh mengambil tanggungjawab untuk meneliti dan mengambil langkah wajar dalam mengatasi isu kesilapan bahan penerbitan, termasuk yang menyentuh penggunaan salah logo serta lambang kebangsaan oleh media massa.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata buat masa ini, kes seumpama itu akan diadili menerusi siasatan pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (MCMC), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Kita harap apabila ada Majlis Media Malaysia, itulah satu platform atau satu format baik untuk menyelesaikan isu seperti ini. Namun sehingga majlis itu dibangunkan dan dihidupkan, maka kita uruskan (siasat) dulu.

"Saya dan timbalan menteri (Teo Nie Ching) sudah bertemu pengurusan media berkenaan dan kita maklumkan siasatan pihak berkuasa sedang berjalan," katanya pada sidang media di Menara Angkasapuri, di sini semalam.

MCMC dalam kenyataan kelmarin memaklumkan sudah memanggil pengurusan kanan media *Kwong Wah Yit Poh* berhubung laporan berkaitan gambar bendera Malaysia tidak lengkap yang dimuat naik di akaun Facebook media berkenaan.

Sementara itu, Fahmi berkata, pihaknya memutuskan untuk mengadakan satu sesi taklimat mengenai tatacara penggunaan pempameran lambang kebangsaan, iaitu Jalur Gemilang.

BERITA HARIAN
Tarikh 18 APR 2025

# Harga emas bakal cecah RM500 segram

BH 18/4

**Emas** menjadi aset yang semakin bernilai, bukan sekadar lindung nilai terhadap inflasi atau pergolakan geopolitik, tetapi juga sebagai tindak balas terhadap kemerosotan sentimen dalam pasaran mata wang, ketidaktentuan pasaran dan stagflasi.

BIMB Securities dalam satu nota penyelidikan berkata, lonjakan harga emas ketika ini adalah nyata dan wajar, memandangkan pelabur kini mencari perlindungan yang lebih stabil dan bebas daripada risiko politik serta fiskal.

Katanya, harga emas bakal mencecah AS$3,500 (RM15,434.90) seauns atau RM496.24 segram menjelang akhir tahun ini, meningkat daripada unjuran sebelumnya iaitu AS$3,150 (RM13,891.40) atau RM446.62 segram.

"Pelabur tidak harus terlalu awal membuat kesimpulan bahawa emas telah mencapai kemuncaknya. Kitaran kali ini tidak mempunyai sebarang rujukan sejarah. Malah, dalam jangka panjang, ia berpotensi untuk melonjak lebih tinggi berdasarkan faktor asas semasa," katanya.

BIMB Securities mengenal pasti lima pemacu utama yang menggerakkan harga emas secara ketara pada masa ini.

"Antara pemacu utama adalah kemerosotan nilai dolar AS yang semakin ketara sejak beberapa minggu lalu di mana indeks dagangan berwajaran menunjukkan kelemahan mata wang berkenaan berbanding mata wang utama dunia, disokong oleh dasar AS yang cenderung kepada dolar yang lemah bagi merangsang eksport. Trend ini dijangka berterusan dengan potensi penurunan nilai antara empat hingga lima peratus dalam masa terdekat, satu petanda positif buat harga emas.

"Selain itu, krisis kecairan di pasaran bon AS menyokong emas dengan data menunjukkan peniaga utama kini menyimpan bon Perbendaharaan AS berjumlah AS$379 bilion (RM1.67 trilion), lebih tiga kali ganda daripada paras purata sejarah.

"Dasar luar negara AS di bawah kepimpinan Presiden Donald Trump juga menjejaskan keyakinan global menerusi langkah tidak menentu termasuk retorik agresif dan cubaan membeli wilayah seperti Greenland telah mendorong negara lain menjauhkan diri daripada sistem kewangan yang berpaksikan dolar. Tindakan menjual bon AS dan menukar rizab kepada emas mencerminkan keraguan terhadap daya tahan hutang dan sistem monetari AS," katanya.

Firma penyelidikan itu turut menjelaskan, permintaan institusi terhadap emas pula melonjak mendadak dengan data menunjukkan bank pusat kini menyumbang kepada 26.1 peratus daripada jumlah permintaan emas global pada suku pertama 2025, dua kali ganda berbanding sedekad lalu.

"China turut memainkan peranan besar dalam lonjakan harga emas global. Permintaan tempatan di China melonjak dengan ketara, disokong oleh aktiviti spekulasi di Bursa Niaga Hadapan Shanghai serta permintaan institusi domestik yang semakin agresif.

"Bank pusat China kembali aktif membeli emas, manakala syarikat insurans diberikan kebenaran untuk memegang emas fizikal, satu langkah dasar yang memperlihatkan gerakan strategik jangka panjang," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 18 APR 2025

# Pegawai perikanan disyaki kemuka tuntutan palsu

UM 18/4

**JOHOR BAHRU:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai perikanan bagi membantu siasatan kes mengemukakan tuntutan palsu.

Menurut sumber, suspek wanita berusia 44 tahun yang bertugas sebagai pegawai perikanan ditahan pada pukul 11 pagi semalam di Pejabat SPRM Johor.

Suspek telah mengarahkan kontraktor untuk mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi butir matan palsu ke Jabatan Perikanan negeri berkaitan kerja pembekalan peralatan sokongan kepada penerima bantuan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 18 APR 2025

# Pesara rugi RM15.1 juta ditipu pelaburan saham

UM 18/4

**KUALA LUMPUR:** Seorang pesara syarikat kewangan terpaksa berputih mata apabila kerugian kira-kira RM15.1 juta selepas 'dijerat' kenalannya bagi pembelian saham tidak wujud.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rohaimi Md Isa berkata, pihaknya menerima laporan daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields pada 14 April lalu.

Katanya, mangsa wanita berusia berusia 77 tahun memaklumkan telah dipelawa oleh seorang kenalannya iaitu suspek utama yang juga seorang ahli perniagaan untuk membeli saham sebuah syarikat di Malaysia.

"Mangsa diyakinkan untuk membeli saham tersebut melalui suspek pertama dan saham tersebut akan dipegang oleh suspek pertama secara amanah untuk pihak mangsa.

"Suspek pertama turut memperkenalkan mangsa kepada rakannya yang dikatakan akan bertindak sebagai ejen bagi pembelian tersebut," katanya kepada pemberita di Majlis Aidilfitri JSJK di sini, semalam.

Menurutnya, mangsa turut ditunjukkan beberapa dokumen yang menguatkan lagi keyakinan mangsa untuk membeli saham tersebut.

Jelasnya, bermula tahun 2020 hingga 2021, mangsa membuat beberapa bayaran secara cek tunai, deposit tunai, dan pindahan wang kepada tiga individu berbeza termasuk suspek pertama dengan jumlah keseluruhan RM15.1 juta.

"Pada tahun 2021, mangsa mula meminta agar saham yang telah dibeli oleh suspek pertama dipindahkan kepadanya. Mangsa turut meminta agar bukti-bukti pembelian dikemukakan kepadanya.

"Bagaimanapun, kedua-dua suspek memberikan pelbagai alasan dan sentiasa meminta penangguhan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 18 APR 2025

31 MoU ditandatangani hasil lawatan Presiden China, Xi Jinping

# Malaysia terima dorongan dalam sektor perdagangan, pelaburan

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
nazlina.nadzari@mediamulia.com.my



PERDANA Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua,kanan) bersama Presiden China, Xi Jinping (dua,kiri) ketika mengadakan mesyuarat dua hala di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, kelmarin. – PEJABAT PERDANA MENTERI

**PETALING JAYA:** Sektor perdagangan dan pelaburan negara menerima dorongan yang paling banyak melalui pelbagai perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Malaysia dan China, menunjukkan China menilai negara ini begitu tinggi dalam pelbagai aspek.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Profesor Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, MoU merangkumi bukan sahaja perdagangan tetapi juga pembangunan teknologi, pendidikan, pertahanan serta pelbagai lagi, melonjakkan lagi hubungan kedua negara ke tahap yang lebih tinggi dari sebelum ini.

Katanya, lawatan Presiden China, Xi Jinping sebenarnya telah lama dirancang, namun menjadi begitu kritikal saat negara dan dunia dicabar dengan perubahan dasar perdagangan Amerika Syarikat (AS) oleh Presidennya, Donald Trump.

"China juga melihat Malaysia sebagai rakan yang sangat penting dan strategik di rantau ini, terutama kedudukannya sebagai Pengerusi ASEAN. Malaysia dilihat lebih daripada rakan dagang tetapi hubungan diplomatik yang kritikal untuk diakrabkan lagi terutama dalam hubungan geopolitik dunia yang berubah dengan pantas.

"Pemilihan Malaysia selain dari negara lain di rantau ini iaitu Vietnam dan Kemboja untuk dilawati Xi menunjukkan kelebihan Malaysia di mata China dalam hubungan antarabangsa," katanya.

Kelmarin, Malaysia dan China memeterai 31 MoU yang merangkumi pelbagai bidang kerjasama strategik yang memanfaatkan kepentingan kedua-dua negara.

Kerjasama itu termasuk kecerdasan buatan (AI), ekonomi digital, pelancongan dan pendidikan yang mana majlis pertukaran dokumen perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Xi sempena lawatan ke Malaysia.

Ketika ditanya mengenai manfaat pemindahan pengetahuan melalui beberapa perjanjian tersebut, Aimi Zulhazmi berkata, Malaysia perlu belajar bagaimana China membangunkan ekonomi dan teknologinya dalam masa yang singkat untuk menjadi antara yang termaju di dunia.

"Kita harus belajar daripada pelan tindakan China dalam mewujudkan budaya reka cipta yang kuat supaya negara boleh mencipta teknologi kita sendiri, menyelidik dan mengembangkan pengkomersialan penciptaan kita.

"Cukup sudah Malaysia hanya menjadi kilang memasang komponen oleh pelabur asing untuk berdekad lamanya. Kita perlu belajar dari China untuk mereka komponen kita sendiri.

"Peruntukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) mestilah mencapai lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bukannya tidak sampai satu peratus seperti yang sedia ada," ujarnya.

Beliau berkata, walau apa tindakan balas AS kepada Malaysia sekiranya ada kesan daripada lawatan ini, negara haruslah bijak mengimbanginya.

"Pelaburan langsung asing (FDI) kita datang daripada syarikat multinasional AS dan rakan dagang terbesar kita adalah China. Justeru, kita harus rasional dalam hubungan dagang dan diplomatik dengan kedua-dua ekonomi terbesar dunia.

"Malaysia juga harus belajar diplomasi China untuk menyuarakan pendapat kita dengan lebih vokal di peringkat antarabangsa untuk melindungi hak kita dan rantau ASEAN amnya.

"Kepengerusian Malaysia di ASEAN tahun ini memberikan platform yang terbaik untuk kita meluaskan pengaruh di peringkat antarabangsa, iaitu memperjuangkan hak kita yang mustahak," jelasnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 18 APR 2025

# Harga emas diunjur cecah RM500 segram akhir tahun ini

UM 18/4

**PETALING JAYA:** Harga emas bakal mencecah AS$3,500 (RM15,434.90) seauns atau RM496.24 segram menjelang akhir tahun ini, meningkat daripada unjuran sebelumnya iaitu AS$3,150 (RM13,891.40) atau RM446.62 segram.

BIMB Securities berkata, lonjakan harga emas ketika ini adalah nyata dan wajar, memandangkan pelabur kini mencari perlindungan yang lebih stabil dan bebas daripada risiko politik serta fiskal.

"Pelabur tidak harus terlalu awal membuat kesimpulan bahawa emas telah mencapai kemuncaknya. Kitaran kali ini tidak mempunyai sebarang rujukan sejarah. Malah, dalam jangka panjang, ia berpotensi untuk melonjak lebih tinggi berdasarkan faktor asas semasa," katanya dalam nota kajian.

Menurut firma penyelidikan itu, terdapat lima pemacu utama yang menggerakkan harga emas dengan ketara pada masa ini antaranya kemerosotan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) yang semakin ketara sejak beberapa minggu lalu di mana indeks dagangan berwajaran menunjukkan kelemahan mata wang berkenaan berbanding mata wang utama dunia

"Trend ini dijangka berterusan dengan potensi penurunan nilai antara empat hingga lima peratus dalam masa terdekat, satu petanda positif buat harga emas.

"Selain itu, krisis kecairan di pasaran bon AS menyokong emas dengan data menunjukkan peniaga utama kini menyimpan bon Perbendaharaan AS berjumlah AS$379 bilion (RM1.67 trilion), lebih tiga kali ganda daripada paras purata sejarah.

"Dasar luar negara AS di bawah kepimpinan Presiden Donald Trump juga menjejaskan keyakinan global menerusi langkah tidak menentu termasuk retorik agresif dan cubaan membeli wilayah seperti Greenland telah mendorong negara-negara lain menjauhkan diri dari sistem kewangan yang berpaksikan dolar.

"Tindakan menjual bon AS dan menukar rizab kepada emas mencerminkan keraguan terhadap daya tahan hutang dan sistem monetari AS," katanya.

Jelasnya, permintaan institusi terhadap emas pula melonjak mendadak dengan data menunjukkan bank pusat kini menyumbang kepada 26.1 peratus daripada jumlah permintaan emas global pada suku pertama 2025, dua kali ganda berbanding sedekad lalu.

"China turut memainkan peranan besar dalam lonjakan harga emas global. Permintaan tempatan di China melonjak ketara, disokong oleh aktiviti spekulasi di Bursa Niaga Hadapan Shanghai serta permintaan institusi domestik yang semakin agresif," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 18 APR 2025

# A bumpy road to safety reforms

## Roads plagued by potholes, neglect

WHEN Malaysia entered its golden age of industrialisation in the 1980s, one of the most significant advancements was the construction of sprawling highways. Four decades later, they have criss-crossed the nation, linking cities, towns, and rural heartland. From there, the highways' main arteries — both tolled and elevated — connected to smaller roads such as streets, avenues, boulevards, drives and lanes. This gave rise to the "complete street" philosophy: a safe and efficient transportation environment for both motorists and pedestrians. Influenced by the Commonwealth traffic flow system, Malaysians drive on the left side of the road, unlike right-hand driving in the Americas and much of Europe. This system accommodates various transportation modes, governed by right-of-way rules and regulated by traffic lights in urban areas. This principle of motorised travel is shaped by road design. Alignment, layout and width influence speed and visibility, helping ensure safety, control speed and reduce congestion.

Adhering to these seamless safety principles, particularly in urban areas, high-visibility road markings and intuitive signage contribute to more accessible streets. Historically, highways and roads have been the foundation of civilisations, facilitating trade, communication and the dissemination of knowledge, thereby enabling economic growth, community connectivity and social interaction. Following this doctrine, the Housing and Local Government Ministry approved an additional RM1.37 million allocation for road resurfacing and the installation of light-emitting diode streetlights in Medan Ipoh. More roads will be resurfaced to benefit 850,000 Ipoh residents. This push for reliable road maintenance is commendable. The ministry should also consider smaller cities and towns where roads still require urgent attention.

> *"A 2022 study ranked Malaysian roads as the 12th worst in the world.*

However, this philosophy seems to overlook a flaw: potholes. Another concern is class-based priority: roads in affluent neighbourhoods often receive prompt and thorough maintenance, especially in areas inhabited by influential individuals. The government may dispute this finding, but a 2022 study ranked Malaysian roads as the 12th worst in the world. While expressways are generally well-maintained, many other roads suffer from potholes and neglect. More worryingly, Malaysia's roads remain tragic sites of traffic fatalities, with over 6,000 deaths recorded in 2022 and more than 7,000 in 2023. Malaysia registered the second-highest road fatalities in Asean in 2021, recording 24 deaths per 100,000 people. Accidents have been attributed to reckless, dangerous and incompetent driving but flawed road design and poor maintenance cannot be ruled out. To improve road conditions and overall transport infrastructure, authorities should invest in better construction materials, expand alternative and public transportation, and enhance road safety, enforcement, education, and management. Hopefully, the 2026 Budget will allocate more funds not only for building new infrastructure but also for maintaining existing ones.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 18 APR 2025

IMPROVING GOVERNANCE

# TASK FORCE SET UP TO MONITOR PROJECTS

## MACC, Economy Ministry to ensure transparency at state and district levels



*The Malaysian Anti-Corruption Commission says the special task force will conduct unannounced inspections and investigations to detect any corruption or malpractice within the projects.* NSTP FILE PIC

KUALA LUMPUR

THE Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the Economy Ministry have established a special task force to monitor projects approved by the ministry at the state and district levels.

The task force is designed to ensure transparency and curb corruption, misappropriation and abuse of power in the implementation of these projects.

MACC said the terms of reference of the task force included key measures aimed at improving governance and project management across the nation.

"Among its primary functions is the sharing of information between the Economy Ministry and MACC regarding the amount of funding allocated to each state and district.

"The task force will conduct unannounced inspections and investigations to detect any corruption or malpractice within the projects," the statement read.

In addition, the task force will focus on identifying weaknesses in existing procedures and will work to improve standard operating procedures to ensure more effective budget allocation, project monitoring and implementation.

MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki praised the ministry for its proactive approach, highlighting the seriousness and transparency shown by Economy Minister Datuk Seri Rafizi Ramli in taking action to prevent the misuse of public funds.

"The seriousness and openness demonstrated by the Economy Ministry are critical in ensuring the integrity of projects funded by the ministry for the benefit of the people," said Azam. "This approach should serve as a model for other ministries."

The establishment of the task force is part of efforts to combat corruption and improve governance in the public sector, ensuring that public funds are used effectively and in the best interests of the rakyat.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 18 APR 2025

LEARN AND GROW

# WHEN A GOOD WORKER HAS TO LEAVE



SHANKAR R. SANTHIRAM

EVERY day, thousands of people resign from their roles. And, a large number of these resignations will be beyond the control of managers and bosses.

Your staff may choose to leave for a pay increase, a more senior role, a chance to relocate, or explore a different field of interest.

Even as you may be excited to see someone grow and pursue a new opportunity, losing a core team member can be disruptive. Some mitigating steps will be needed.

You will need to reallocate responsibilities, reestablish a workflow among your remaining team and restore morale, so that a mass exodus doesn't follow.

To cope effectively, acknowledge the loss, communicate openly with the team and proactively address the impact of their departure. Focus on celebrating their contributions, finding a way to transition responsibilities smoothly and potentially learning from their departure.

Here are some ideas that help with the transitioning when a core staff member leaves.

Acknowledge and process emotions. Expressing vulnerability and honestly communicating with the remainder of your team members is foundational to earning their trust.

When you are vulnerable, it shows your human side as a leader and helps your team feel comfortable showing up as their authentic selves.

Being vulnerable does not, however, mean you have all the answers. Rather, it means being willing to have difficult conversations when you don't.

Don't take it personally. While it's natural to feel sadness or disappointment, try to view the departure as a business matter, not a personal affront.

Allow yourself time to process. It is okay to feel a range of emotions, from sadness to relief. Acknowledge these feelings and allow yourself time to process them.

This is why, when a team member leaves, it is important to address the departure in a timely manner. In both team and one-on-one meetings, talk about the challenges you expect to face and the ways the team dynamic may shift in their absence.

You want your direct reports to feel reassured, and your honesty and clarity on next steps will show them that you're prepared to thoughtfully lead them through this change.

Be supportive. Offer words of encouragement to remaining staff members who may be experiencing their own emotions.

Be sure to speak positively about the employee who's leaving, particularly if they were well liked by the team. Even if they had performance issues, recognise what they did well while demonstrating your commitment to the people who remain.

Speaking poorly of your team member may make your direct reports wonder if you would do the same to them.

Communicate effectively. Announce the departure promptly. Inform the team and relevant stakeholders about the departure as soon as possible, ideally in advance of their last day.

Be transparent. share the reasons for their departure, if appropriate, and the plan for transitioning their responsibilities.

Choose the right way to communicate the news, whether it's a formal announcement, a team meeting, or a more personalised approach.

Identify critical gaps, and understand what responsibilities the departing staff member held, and how their absence will impact the team.

When things feel uncertain or challenging, people seek stable ground. You can make your team feel more secure by reminding them what won't be changing — your collective strengths and shared values.

Your team's strength, for example, could be the culture you've built together. That is, the way people communicate, interact and collaborate.

When a team member leaves, it shifts the group dynamic, and it's important for leaders to proactively recalibrate and strengthen relationships.

Research indicates that teams who feel connected and engaged also feel a greater sense of belonging at work and have less turnover. Don't let someone quitting break a bond your team has worked hard to build.

Finally, learn and grow.

Conduct an exit interview. Gather feedback from the departing staff member about their experiences and suggestions for improvement. Also, review processes and policies. Use this opportunity to evaluate existing processes and policies and identify areas for improvement.

When you are faced with employee transitions, be transparent with your team about the challenges, offer support, listen to their needs, help them stay connected and remind them of their individual strengths and the team's strengths.

As a leader, it is your responsibility to strategise and execute steps that mitigate the potential difficulties for your team, and continue on a growth trajectory, collectively.

---

The writer is managing consultant and executive leadership coach at EQTD Consulting. He is also the author of the national bestseller 'So, You Want To Get Promoted?'

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 18 APR 2025

# Govt departments urged to review outdated laws

**PUTRAJAYA:** Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki urged all government departments to review outdated or obsolete laws and propose suitable amendments that reflect current needs.

He said law reform is a key agenda that must be taken seriously to prevent negative public perceptions towards government agencies.

"Any outdated or unclear SOP should be improved or amended to align with current demands of society and expectations of relevant stakeholders," he said in a speech at the Federal Territories Department's Seminar on Governance, Integrity and Anti-Corruption Strengthening Module yesterday.

His speech was delivered by MACC Deputy Chief Commissioner (Prevention) Datuk Azmi Kamaruzaman.

Officiated by Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, the seminar was attended by about 200 personnel from the department.

Azam Baki said every government department must have clear systems in place, particularly in matters involving the public.

"In enforcement matters, continuous monitoring of personnel, such as tracking signs of excessive or lavish lifestyles, should be carried out by department heads.

"When incidents occur, the government is often blamed. It is important to recognise that such perceptions could arise when certain agencies lack effective oversight and proper management systems.

"At MACC, we have clear SOP for matters such as arrests, detention and lockup processes. There are specific guidelines that outline who should be detained, the procedures for doing so and even the protocol for when detainees are required to wear the orange uniform."

He said response to the media must be prompt and accurate to ensure the public receives reliable information.

He cited the case of witness Teoh Beng Hock's death and noted that at the time, MACC media management lacked experience and efficiency, which led to the failure of accurate information reaching the public and internal stakeholders.

"We learnt from that mistake how to respond more effectively to the media and to discern which ones are not worth engaging.

"What matters most is that the public receives clear information and a proper understanding of the issues at hand."

In her speech, Zaliha called on the Federal Territories Department to consider establishing a dedicated governance and integrity task force for all federal territories.

She also emphasised the importance of each division and agency conducting self-audits of their existing SOP and work processes to identify areas for continuous improvement. – Bernama

THE SUN 18 APR 2025
Tarikh: ........................................

# KL, Beijing set for high-impact regional collaboration

SUN 18/6c

**PETALING JAYA:** Malaysia and China have pledged to become regional trailblazers in next generation productive forces, accelerate the 2024 Belt and Road Cooperation Plan and tighten alignment of development strategies.

Focusing on the digital, green, blue and tourism economies, both sides will ramp up economic ties, drive seamless integration across industrial, supply, value, data and talent chains, and boost the scale and impact of China-Malaysia collaboration.

In a joint statement yesterday, the two countries said they would tap into new quality productive forces, forging fresh growth in cutting-edge fields like advanced manufacturing, AI and quantum technology.

Malaysia and China are seeking to deepen smart city ties and tighten industrial and supply chain integration, with Malaysia welcoming Chinese firms to help build its 5G network.

"Both sides look forward to exploring potential cooperation in the semiconductor industrial chain to the extent practicable to maintain the stability of industrial and supply chains."

They agreed to step up two-way investment and strengthen collaboration across high-value, high-growth sectors such as manufacturing, intellectual property, digital economy, research and innovation, green and sustainable investment as well as logistics development.

"This strategic focus will attract quality investments, accelerate technology adoption and reinforce Malaysia's role in global supply chains."

Recognising the value of a high-level bilateral investment agreement in driving investment ties, both sides acknowledged the potential for future engagement to further liberalise and facilitate two-way investment, and to strengthen investment protection within the framework of the existing agreement.

The two nations will further upgrade the "Two Countries, Twin Park" initiative, support the high-quality development of economic and trade cooperation zones and foster a more dynamic, business-friendly environment for their enterprises.

They also spoke highly of the official signing of the visa exemption agreements on Wednesday.

"They believe that it will further facilitate two-way personnel exchanges, deepen exchanges and cooperation on education, cultural tourism and sports, and strengthen mutual understanding and friendship between their peoples."

Malaysia and China also reaffirmed their commitment to diversity, coexistence, harmony and inclusiveness.

Both sides will promote meaningful dialogue between Islam and Confucianism, encourage interfaith understanding and cultural exchange, and support the shared growth of Chinese and Islamic civilisations through mutual learning, anchored in Asian values of peace, cooperation, openness and inclusivity.

They expressed satisfaction that pandas, which were warmly welcomed by Malaysians, have become an important symbol of China-Malaysia friendship.

"The two sides agreed to continue to conduct joint research on panda protection and expect to achieve more progress in this field."

On space collaboration, both governments recognised the strong potential to enhance partnerships under their bilateral agreement on peaceful space cooperation. The goal is to grow the new space economy, drive technological innovation and contribute to national security.

Both sides acknowledged the positive outcomes of the Agreement on Cooperation in Vaccine Development and Accessibility, which has facilitated expert training, strengthened vaccine innovation, and enabled technology transfer, knowledge exchange and resource sharing.

Both nations agreed to strengthen cooperation in the fields of health and traditional medicine.

– *By **Azura Abas***

THE SUN
18 APR 2025
Tarikh: ....................................

# M'sia, China want Asia-Pacific stability

» Both nations keen on strengthening existing cooperation in national security, defence and law enforcement

BY **AZURA ABAS**
*newsdesk@thesundaily.com*

sun
18/4

**PETALING JAYA:** Malaysia and China stand firm in their belief that peace and stability in the Asia-Pacific region are hard-won and must be fiercely protected.

Both nations underscored the urgency of safeguarding regional peace and security and urged against any action that might threaten stability, reiterating a shared commitment to an open, inclusive regional framework in a joint statement yesterday.

"In line with the Treaty on the Southeast Asia Nuclear Weapon-Free Zone, the two countries agreed to support efforts to preserve Southeast Asia as a region free from nuclear weapons and other weapons of mass destruction, while contributing to global efforts in disarmament, non-proliferation and peaceful uses of nuclear energy."

To deepen strategic engagement, both sides will establish a Joint Foreign and Defence Dialogue Mechanism, expanding top-level communication and advancing political-security collaboration.

They also pledged to strengthen existing cooperation in national security, defence and law enforcement.

"This includes more joint exercises, training, official exchanges and capacity-building programmes."

The two nations stood united against terrorism and transnational crime and stressed the need to maintain calm and stability in the South China Sea.

Disputes should be resolved peacefully through dialogue and in line with international law, including the 1982 UN Convention on the Law of the Sea.

Malaysia and China urged all parties to exercise restraint, warning against interference by parties not directly concerned.

They also called for all relevant stakeholders to uphold and effectively implement the Gaza ceasefire agreement, with the ultimate goal of a lasting truce.

Both countries reaffirmed that Gaza is Palestinian land, an inseparable part of Palestine, and that "Palestinians governing Palestine" must be the guiding principle in any post-conflict arrangement.

Both sides opposed forced displacement and backed the creation of an independent Palestinian state under a two-state solution, with full UN membership for Palestine.

On economic and technological ties, Malaysia and China will explore joint ventures in rail systems, aerospace and nuclear energy.

Both countries will support Malaysian airlines in adopting and operating Chinese commercial aircraft, while working together to advance industrial upgrades and energy transitions in both nations.

Connectivity is another shared priority. Malaysia and China will drive forward infrastructure cooperation, fast-track flagship projects like the East Coast Rail Link and strengthen rail-sea transport to boost regional links. Their ports are encouraged to collaborate in building a thriving blue economy.

Both sides will seek out more iconic, strategi projects grounded in trust, mutual benefit an win-win outcomes.

Aviation cooperation will be scaled up, wit greater technical exchange and logistic collaboration between KL International Airpor and Zhengzhou Xinzheng International Airport fuelling the shared ambition of an integrate Asean-China Air Silk Road.

Both countries will also coordinate mor closely within the Asia-Pacific Economi Cooperation (Apec), driving the Putrajaya Visio 2040 forward and laying the foundation for a Asia-Pacific Community.

Malaysia voiced strong support for China' hosting of the Apec Economic Leaders' Meetin in 2026.

THE SUN
Tarikh: 18 APR 2025

# Malaysia targets RM200b in property transactions this year

**Govt cautiously optimistic about sector's continued growth, mindful of global economic uncertainties**

BY **HAYATUN RAZAK**
*sunbiz@thesundaily.com*

SUN 18/4

**KUALA LUMPUR:** Malaysia is targeting RM200 billion in property transaction value this year, driven by an expanding middle class and sustained demand for residential spaces, said Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming (*pic*).

He said the government is cautiously optimistic about the outlook due to global policy shifts and economic uncertainties, particularly the recent "Liberation Day tariffs" introduced by the United States.

"Moving onto this year, we are optimistic about the sector's continued growth as we aim to achieve RM200 billion in property transaction value, supported by an expanding middle class and sustained demand for residential spaces. However, we are also cautious and mindful of the challenges ahead," he said in his speech at the soft launch of Asean Real Estate Conference 2025 (Arec 2025) and the 24th International Architecture, Interior Design and Building Exhibition 2025, Malaysia (Archidex 2025) yesterday.

Nga said the recent Liberation Day tariffs introduced by the US have sent shockwaves through global markets, disrupting supply chains, inflating costs, and reshaping investment flows.

"During this period in time, one thing remains certain – and that is uncertainty. We must act quickly and adapt to navigate these challenges effectively."

Nga said strengthening multilateral ties within Asean is more important than ever at this critical juncture.

"With a combined population of 670 million, Asean represents the fifth largest economy in the world.



Amid external pressures such as trade disruptions and geopolitical tensions, our shared vision and commitment to regional cooperation could offer us a source of stability," he added.

Nga said that last year Malaysia's real estate sector reached a decade-high in total transaction value, rising by 18% from RM196.8 billion in 2023 to RM223.2 billion in 2024.

"Malaysia's real estate sector experienced remarkable growth last year. This was driven by political stability, clear government direction, and the private sector's ability to meet the growing demand for quality interior design and green construction solutions," he added.

According to Nga, Malaysia, as Asean Chair, is set to host more than 20 ministerial level meetings across all Asean pillars, along with more than 50 high-level engagements.

He said this year's Archidex and Arec anticipate RM2 billion in investment value with over 56,000 attendees.

"Last year, we made history by launching the Asean-China Ministerial Roundtable on Construction and Housing in conjunction with Archidex. The event drew 40,336 visitors from over 100 countries and reached more than RM1 billion in transacted value."

Archidex 2025 will be held across two venues: the Malaysia International Trade and Exhibition Centre from July 21 to 24 and the Kuala Lumpur Convention Centre from July 23 to 26. This year's edition features close to 1,000 exhibitors, across 36,700 square metres of exhibition space, a 40% increase from last year.

THE SUN
Tarikh: 18 APR 2025